

**SOALAN NO. : 50****DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]****TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)****SOALAN:**

Tuan Lim Guan Eng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab kenapa daripada jumlah kos keseluruhan projek RMK9-RMK11 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang bernilai RM1,789 juta, peruntukan semasa/ siling projek hanya berjumlah RM461 juta dan jumlah perbelanjaan pula hanya sebanyak RM443 juta, hanya berjumlah 24.6 peratus dibelanja. Ke manakah peruntukan selebihnya disalurkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan sebanyak RM1,789 juta (RMKe-9 sehingga RMKe-11) yang dimaksudkan adalah kos projek yang dirancang, iaitu kos yang dipohon semasa penyediaan kertas permohonan RMK. Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek yang diluluskan adalah berdasarkan keperluan dan nilai kerja semasa dan ianya tidak semestinya sama dengan kos projek yang dirancang.

Sekian, terima kasih.